

**Gerakan Mahu Menang Lebih Banyak Kerusi, Termasuk Parlimen Taiping
Bernama
15 Oktober, 2011**

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Gerakan mahu memenangi lebih banyak kerusi pada pilihan raya umum akan datang, termasuk kerusi Parlimen Taiping yang sebelum ini diserahkan untuk ditandingi Parti Progresif Penduduk (PPP).

Bercakap di hadapan perwakilan Majlis Anggota Seumur Hidup di sini hari ini, Presiden Gerakan Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata beliau telah mengarahkan jentera pilihan raya parti agar memastikan semua penyandang dapat mempertahankan kerusi masing-masing selain berusaha memenangi kerusi lain.

Mengakui tugas itu sukar, Koh yang mempengerusikan persidangan berkenaan selepas Pengerusinya Tun Dr Lim Keng Yaik tidak dapat hadir akibat jangkitan pneumonia, bagaimanapun percaya matlamat tersebut dapat dicapai.

"Walaupun kita mempunyai hampir 28,000 anggota baru tetapi ini bukan jaminan (untuk mencapai kejayaan), namun apa yang penting bagi kita ialah melangkaui 2 + 8," katanya.

Mengakui betapa pentingnya Gerakan memenangi kerusi yang ditandingi kelak demi kelangsungan parti itu, Koh mahu perwakilan yang menghadiri Persidangan Perwakilan Kebangsaan (NDC) bermula hari ini mengemukakan formula kemenangan kepada parti.

"Kita mesti berusaha ke arah itu, mesti menasaskan untuk menang lebih daripada dua kerusi (Parlimen), kita harus menetapkan KPI (Indeks Prestasi Utama) selepas NDC ini (bagaimana mahu memenangi lebih banyak kerusi)," katanya.

Pada pilihan raya umum 2008, Gerakan merekodkan prestasi paling buruk apabila tewas semua kerusi di Pulau Pinang yang merupakan pangkalannya, selain hanya menang dua kerusi Parlimen iaitu Simpang Renggam (Johor) dan Gerik (Perak), serta empat kerusi Dewan Undangan Negeri.

Mengenai hasrat bertanding semula di Taiping, Koh berkata: "Kami parti Gerakan sangat pemurah, kita benarkan kawan kita dari PPP untuk bertanding di Taiping dua kali, tetapi kali ini kita mahu kembali kerusi Taiping."

Sementara itu, Naib Presiden Gerakan Mah Siew Keong mengingatkan anggota parti bahawa politik adalah permainan melibatkan angka.

Bercakap ketika melancarkan persidangan sayap Pemuda di sini, Mah berkata anggota Gerakan harus menyedari mereka tidak mempunyai banyak ruang untuk bersuara selepas kehilangan banyak kerusi pada pilihan raya umum lepas.

"Kita harus kembali kepada realiti asas...pusingan lepas kita menang dua daripada 12 kerusi parlimen yang ditandingi. Politik adalah permainan membabitkan angka dan jangan tipu diri sendiri, jika wakil kita sedikit kita tidak boleh bercakap banyak, katanya.

Mah juga menegaskan pilihan raya umum akan datang adalah penentu kepada masa depan Gerakan, sama ada mereka masih relevan kepada masyarakat ataupun tidak.

"Ini tidak mudah. Apa akan jadi kepada Gerakan jika kita bertanding di 12 kerusi tapi hanya menang satu atau langsung tidak ada? Kita tahu pembangkang mahu kita berkubur terus terutama di Pulau Pinang.

"Justeru, pilihan raya akan datang menentukan masa depan parti kita," katanya.

Pengerusi Pemuda Barisan Nasional Khairy Jamaluddin yang juga hadir pada perasmian itu pula berkata beliau kagum dengan keyakinan parti komponen tersebut yang berpegang kepada semangat bersatu BN sekalipun berdepan suasana mencabar.

"Dalam semangat keluarga ini, semangat persahabatan BN, kita berpegang kepada prinsip bahawa kita bersama. Tidak wujud istilah akan ada yang dipinggirkan, kita sebuah keluarga dan kita bersatu bersama," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=620078>